



Masjid UPM tempat pertama kategori masjid dalam Pertandingan Perbandaran Bersih dan Indah MPSJ



SUBANG JAYA - Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih tempat pertama kategori Rumah Ibadah Islam/Masjid dalam pertandingan Perbandaran Bersih dan Indah anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2011.

Hadiyah berbentuk wang tunai RM500 beserta replika diterima oleh Penolong Pendaftar UPM, Wan Mohd Radzi Wan Ismail. Pusat Islam Universiti menyertai pertandingan itu sejak Mei tahun lalu.

Wan Mohd Radzi berkata kemenangan UPM dinilai dari segi kebersihan, keindahan, keceriaan, fasiliti, landskap dan keselamatan persekitaran.

Lapan kategori lain yang dipertandingkan ialah Sekolah Rendah, Sekolah Rendah dan Menengah, Institut Pendidikan/Kolej, Bangunan/Resort/Kompleks Pelancongan, Bangunan Pejabat Swasta/Kilang, Rumah Sesebuah/Berkembar, Rumah Teres Lot Tengah, Rumah Tradisional/Kampung/Tradisi.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) 03-8946 6154

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia